

Negara kaya patut dicukai — Mahathir

UM 28 FEB 2009

B OAO (Hainan) 27 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya negara-negara kaya dalam dunia globalisasi dicukai bagi tujuan mengumpul dana untuk membantu negara-negara miskin khususnya dalam pembinaan prasarana.

Tegasnya, adalah tidak bermakna sekiranya yang kaya bertambah kaya dalam dunia tanpa sempadan itu, tetapi mereka dikecualikan daripada cukai.

Masyarakat dunia, kata Perdana Menteri, tidak boleh membenarkan yang kaya mengeksploitasikan pembukaan sempadan negara-negara miskin tanpa mengenakan apa yang wajar dibayar.

Negara-negara miskin, katanya, tidak akan dapat keluar daripada belenggu kemiskinan selagi mereka tidak mempunyai prasarana untuk menggerakkan kegiatan pembangunan.

Cukai tersebut juga, katanya, akan menyumbang ke arah mengagihkan kekayaan kepada negara-negara miskin.

Langkah ini wajar dilakukan memandangkan sebahagian kekayaan negara kaya diperoleh melalui eksploitasi sumber negara miskin.

Perdana Menteri menambah, secara sendiri, kebanyakan negara miskin tidak akan dapat menghapuskan kemiskinan masing-masing.

Program bantuan dan pinjaman asing bukan sahaja gagal, tetapi menambah beban hutang mereka.

"Hanya suatu program pembangunan prasarana antarabangsa yang dibiayai melalui cukai antarabangsa khusus bagi tujuan pembinaan prasarana dapat mengatasi kemiskinan negara-negara tersebut," ujar beliau.

Perdana Menteri mengemukakan cadangan itu dalam ucaptamanya di Forum Boao bagi Asia di sini hari ini. Peserta dari 25 negara termasuk Malaysia menghadiri forum sulung itu.

Dr. Mahathir dipilih untuk menyampaikan ucapnama itu sebagai

penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai reputasi sebagai 'suara Asia'.

Presiden China, Jiang Zemin turut berucap.

Dr. Mahathir berharap cadangan cukai prasarana dunia itu dibincangkan supaya suatu hari nanti diterima oleh dunia dan dilaksanakan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Asas penilaian serta kaedah mencukai, katanya, boleh dirundingkan dan dipersetujui bersama dengan diwujudkan sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan mengutip dan menguruskan dana yang diperolehi serta melaksanakan projek-projek prasarana itu.

Agensi tersebut, tambah beliau, hendaklah dipilih secara demokratik oleh PBB tanpa dominasi mana-mana negara.

Dalam ucaptamanya, Dr. Mahathir banyak menekankan tentang nasib negara-negara miskin di Asia dan betapa keadaan mereka akan menjadi bertambah buruk pada masa akan datang bersama kedatangan globalisasi serta dunia tanpa sempadan.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya Malaysia dikehendaki menerima globalisasi, sudah tentu negara-negara kaya boleh dan sepatutnya menerima idea cukai antarabangsa yang beliau cadangkan itu untuk menolong negara miskin.

Bagaimanapun ujar be-

liau, negara-negara Asia hendaklah terlebih dahulu menerima idea ini.

Dalam abad ke-21 ini, katanya, usaha bersungguh-sungguh perlu dibuat di seluruh dunia bagi menghapuskan kemiskinan.

"Adalah tidak bermoral dalam dunia yang begitu makmur hari ini masih terdapat penduduk dan negara yang miskin dan melarat," kata beliau.

Beliau mahu Forum Boao bagi Asia membincangkan masalah tersebut serta mengkaji secara kritikal perkara-perkara berkaitan globalisasi dan dunia tanpa sempadan, demokrasi dan hak asasi termasuk pemikiran-pemikiran lain yang dipaksakan ke atas Asia.

Semua itu bukannya

sempurna dan pemimpin Asia hendaklah bersedia memperbetul, menyesuaikan atau menolaknya jika ada yang tidak mendedahkan kebaikan, kata Dr. Mahathir.

"Kita tahu terdapat begitu banyak penduduk Asia yang hidup kais pagi makan pagi. Banyak negara Asia yang sangat miskin. Sebenarnya tidak terdapat sebab kenapa ada orang terlalu kaya sementara begitu ramai hidup melarat," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, ini tidak seharusnya berlaku dalam dunia yang begitu makmur hari ini. Tentu ada yang tidak kena dengan pengagihan kekayaan di seluruh dunia.